



Government officials will never ask you to transfer money or disclose bank log-in details over a phone call. Call the 24/7 ScamShield Helpline at 1799 if you are unsure if something is a scam.

Home > Newspaper Catalogue > Berita Harian > 1958 > November > 18 > Page 4 > Pekan yg di-tutup sekarang ramai



Pekan yg di-tutup sekarang ramai

Berita Harian, 18 November 1958, Page 4

Share

Save Citation

<< Previous Article Next Article >>

Pekan yg di-tutup sekarang ramai

1,500 PENDUDUK YANG DI-SERAH BERPINDAH KERANA MENOLONG PENG

PULANG RA-JENDERAM

oleh

PENULIS KHAS

TUJUH tahun dahulu pekan ini ramai dan ma'amor. Tetapi dari sejak itu hingga baharu2 dia di-tinggalkan tidak di-diami, kerana penduduk2-nya sa-ramai 1,500 orang telah

di-pindahkan ka-merata2 cherok di-Tanah Melayu.

Hari ini mereka itu dengan penoh insaf akan 'dosa2' mereka tidak bekerjasama dengan Kerajaan di-waktu Dharurat, masing2 pulang ka-tempat kediaman asal. Gembira-nya mereka! Ma'alom-lah 'sireh pulang ka-gagang.'

Bandar ini ia-lah Jenderam di-Selangor, lebeh kurang 30 batu dari Kuala Lumpur, Pada satu ketika dahulu menjadi kawasan yang merbahaya dan dalam tahun 1951 penduduk2-nya di-pindahkan keluar.

Bangunan-2nya habis ranap

Penempatan sa-mula di-kampong Jenderam ini bermula lebeh kurang delapan minggu dahulu Pada mula2-nya waktu 25 keluarga yang mengandongi lebeh kurang 200 orang itu balek "ka-kampong" mereka dapati Jenderma tidak saperti

Hanya bangunan masjid yang sa-kian lama terbiar itu sahaja mengalu2kan "selamat pulang" kapada mereka.

400 bangunan rumah kedai di-situ telah

ranap tidak lagi ternyata di-mana-kah letak-nya bangunan2 itu dahulu. Sekolah Melayu hanya meninggalkan lantai cement-nya sahaja, yang lain-nya telah termusnah.

Kalau dahulu 1,000 ekar kebun getah dan 600 ekar tanah sawah tumbuh hijau dan subur, sekarang tanah2

itu di-liputi oleh pokok2 lalang, hidup ta' dipedulikan siapa.

Hari ini, ia-itu beberapa minggu sa-lepas penduduk2 ini pulang telah kelihatan 20 buah rumah kayu berderet di-tepi jalan raya. Masjid Jenderam di-chuchi sa-mula, sa-buah kedai kopi dan kedai makan di-buka sa-mula dan beberapa ekar lalang di-tebas habis.

Kerajaan sedang berusaha mendapatkan wang untuk membantu penduduk2 di-situ memperbaiki masjid mereka, membena sekolah2 dan rumah2 kediaman dan juga membuka sa-mula tanah2 yang terbiar. Penduduk2-nya pun ta' kurang giat mema'amorkan sa-mula bandar ini.

Sa-takat ini hanya terdapat penduduk2 Melayu sahaja yang pulang ka-Jenderam, Penduduk2 dari bangsa lain belum lagi berbuat demikian.

Tetapi berita bahawa bandar ini di-buka sa-mula sedang di-hebahkan. Kata mereka yang pulang, "Kami sudah pulang: dan berharap kawan2 sakalian mengikut telak langkah kami—

pulang-lah mema' amorkan kampung kita."

Penduduk2 Jenderam sungguh sibok sekarang. Bertimbun2 balak kelihatan di-tepi jalan, orang2 memasang dindang di-rumah mereka yang baharu di-dirikan, hutan lalang di-tebas untuk menanam getah, padi dan lain2 makanan.

Mereka bertekun peloh mengalir dengan tujuan yang satu, bergotong royong untuk membuka tempat kediaman asal. Dengan semangat hendak maju mereka bekerja. Ikuti-lah perbualan beberapa orang penduduk2 di-situ dengan Pemberita Berita Harian.

Tuan Mohammad Yakim, 48, ada-lah di-antara penduduk2 yang paling tua di-Kampung Jenderam menyatakan, "Keluarga kami telah tinggal di-sini sejak beberapa keturunan. Jadi apabila kami di-suruh berpindah kami enggan berpindah jauh. Kami memilih Jenderam Hilir sa-bagai tempat kediaman baharu.

"Saya ta' akan lupa pada hari pemindahan

dahulu. Sungguh walang hati kami waktu mengi-lek barang2 kami. Saya terpaksa meninggalkan 15 ekar kebun getah dan tiga ekar tanah sawah yang sudah beberapa lama mengeluarkan hasil yang baik.

Harap pulang ka-kampung

"Di-Jenderam Hilir saya terpaksa bekerja un-tok orang lain. Dan sejak keluar tempat hidup tidak begitu gembira dan sentiasa berharap akan pulang ka-kampung. Apabila sahaja Kerajaan memberi tahu bahawa kami boleh pulang, dengan tidak lengah2 lagi saya bersiap. Saya pindah dari Jenderam Hilir dengan isteri dan lima orang anak saya.

"Manakala sampai di-kampung kami dap rumah kami dahulu telah di-musnahkan, tan getah dan padi penoh dengan lalang. Tetapi tidak menghampakan harapan kami. Kami tekun dan pada hari ini rumah saya telah ter dan tanah2 siap untuk di-tanam."

Abdul Rahim bin Dasar, 30, memberitahu waktu dia sibok memperbaiki papan2 nama di-da-r Jenderam itu, "Abang saya, kakak dan berpindah keluar bersama dengan penduduk2 lain. Kakak saya dan saya pergi ka-Kuala Lumpur dan abang saya ka-Singapura.

Mendirikan sa-buah pekan

"Saya terpaksa meninggalkan tanah2 get dan padi yang luas-nya 15 dan delapan ekar. Kuala Lumpur saya dapat kerja sa-bagai sa-or buroh. Tetapi saya tidak suka dengan kerja. Senantiasa saya berharap akan pulang ka-Jenderam.

"Se-tahu se-baga beberapa kami bakti

Sa-lalu sahaja bahawa kami boleh pun
maka kakak saya dan saya terus pulang ka-Je-
deram. Saya perchaya abang saya pun akan tu

jejak saya."

Berpeluang juga
berbual dengan Ra-
na bt Mat Pia, sa-or-
tokeh kedai barang-
por dan kadai ka-
Beliau memberitahu
saya "Waktu Jender-
di-tutup saya dan en-
orang anak2 saya
dah ka-Gombak de-
Kuala Lumpur. Sa-

bekerja di-sana, ka-
tidak anak2 saya nanti mati kelaparan.

"Tetapi saya mempunyai harapan bah-
pada satu hari saya akan pulang ka-Jenderam
membuka sa-buah kedai baharu. Sekarang sa-
sungguh gembira kerana saya telah mempun-
sa-buah kedai di-sini."

Penghulu kampung Jenderam, Raja Izam
Raja Hussain sempat juga memberi pendapat
nya kepada saya, "Sa-benar-nya saya bukan-
berasal dari Jenderam. Saya baharu sahaja
hantar ka-sini menjadi penghulu di-daerah
Tetapi saya boleh juga mencheritakan pemin-
han sa-mula penduduk2 kampung Jenderam.

"Penduduk2 ini pulang ka-sabuah kamp-
yang dapat di-bezakan dengan padang jarak
dang terkukor—hanya yang tinggal ia-lah mas-
Ta' ada sa-batang tiang yang berdiri."

"Tetapi dalam masa yang sengkat sah-
mereka telah mendirikan rumah2 kediaman
reka dan sa-buah pekan sudah pun nampak nyat-

Achuan yang belum di-isi

"Ketabahan hati mereka hendak-lah di-pu-
Dengan kerjasama antara mereka sama mere-
mereka telah membuka sa-buah pekan bah-
Mereka berharap mendapat bantuan wang di-
pehak yang berkuasa. Bus dan bekalan elekt-
belum ada lagi. Tentu mereka akan mendapa-
nya.

"Pada masa ini Jenderam maseh lagi sa-ba-
satu achuan yang belum di-isi. Tetapi di-tilek di-
chara penduduk2-nya bertekun mema'amor
pekan ini, Jenderam pada tahun hadapan al-
ma'amor dan maju."

Penghulu: Saya lebih gembira, Makin banyak orang yg rajin



PEMANDANGAN pekan Jenderam yang baharu. Bangunan2 ini ia-lah di-antara yang baharu di-dirikan sejak penduduk lima minggu dahulu.

MENDIRIKAN
RUMAH2

NLB

[Contact Us](#) [Feedback](#) [FAQ](#)

[Report Vulnerability](#) [Terms of Use](#) [Linking Disclaimer](#) [Privacy Statement](#) [Takedown Policy](#)

©2026 Government of Singapore
Last Updated 2023-01-31